



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/126 Jld.9 (87)
Tarikh : 24 Julai 2023

PERINGATAN 1

**Semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT BAGI BULAN JUN
2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Para 2.7.4 di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 7 Tahun 2018 telah menggariskan dengan jelas **peraturan dan tanggungjawab PTJ** mengenai **penyelenggaraan dan semakan laporan dalam persekitaran iGFMS** bagi memastikan peruntukan, tanggungan dan perbelanjaan yang diluluskan dikemaskini dengan tepat dan betul. **Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan dan Semakan Laporan adalah seperti pada Lampiran I, SPANM Bil. 7 Tahun 2018.**

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati Jabatan/PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot bagi bulan **Jun 2023** kepada JANM Negeri Kedah untuk semakan. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya pada 14 hari bulan pada bulan berikutnya.**


4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Akaun **Encik Azri bin Ahmad** di talian **04-7001000 (samb.187).**

5. Kerjasama dan tindakan segera daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"**

Saya yang menjalankan amanah,


(ROGAYAH BINTI MUSTAFA C.A.(M))
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman